

MALAY *AB INITIO* – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS *AB INITIO* – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO *AB INITIO* – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Monday 6 May 2002 (morning)
Lundi 6 mai 2002 (matin)
Lunes 6 de mayo de 2002 (mañana)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1 (Text handling).
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS





- Ne pas ouvrir ce livret avant d’y être autorisé.
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l’épreuve 1 (Lecture interactive).
- Répondre à toutes les questions dans le livret de questions et réponses.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos requeridos para la Prueba 1 (Manejo y comprensión de textos).
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

Abu, Ranjit dan Teik Beng bersahabat baik. Mereka belajar di Sekolah Sri Murni Kuala Lumpur. Abu telah dilantik sebagai pengawas sekolah tersebut.




TEKS B

RAMALAN CUACA

UNTUK 27 JUN 2001					
	RIBUT PETIR	HUJAN	MENDUNG	CERAH	OMBAK
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Alor Star ▪ Kangar ▪ Georgetown ▪ Ipoh ▪ Shah Alam ▪ Kuala Lumpur ▪ Seremban ▪ Bandar Melaka ▪ Johor Bahru ▪ Kuantan ▪ Kuala Terengganu ▪ Kota Bharu ▪ Kuching ▪ Kota Kinabalu ▪ Labuan 	Ribut petir diramalkan berlaku di sepanjang pantai Semenanjung, Selat Melaka dan Palawan	Petang Petang Petang Petang		Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari Sepanjang hari	


Ulasan: Penduduk di Shah Alam dan Kuala Lumpur dinasihati supaya berhati-hati. Hujan diramalkan turun pada sebelah petang. Sekiranya hujan turun beberapa jam tanpa berhenti, banjir kilat mungkin berlaku. Keadaan ombak dijangka agak tinggi dan berbahaya kepada bot-bot kecil. Bagaimanapun tiada amaran angin kencang berlaku.

TEKS C



Makanan mengandungi pelbagai jenis bahan yang berkhasiat untuk keperluan tubuh manusia. Bahan ini dikenali sebagai zat makanan. Zat inilah yang memberikan tenaga, membina dan menyihatkan tubuh kita. Makanan juga mengandungi air yang amat penting bagi semua benda hidup.

Makanan penting untuk memberi tenaga bagi membantu kita melakukan pelbagai kegiatan hidup seperti bekerja, bersukan dan bergerak.



Makanan yang memberi tenaga mengandungi zat karbohidrat dan lemak. Karbohidrat boleh didapati daripada nasi, roti, jagung dan gula. Lemak pula boleh didapati daripada minyak sayur-sayuran, lemak haiwan, kacang tanah, jagung dan kacang soya.

Zat makanan yang membina tubuh dikenali sebagai protein. Protein boleh didapati daripada daging, ayam, ikan, susu dan pelbagai jenis kacang. Protein penting bagi membina dan membaiki tubuh yang rosak. Oleh itu, protein penting bagi bayi yang sedang membesar serta perempuan yang mengandungi dan menyusukan anak.

Zat makanan juga boleh melindungi kita daripada pelbagai jenis penyakit. Zat tersebut ialah vitamin dan galian. Kedua-dua zat ini boleh didapati dalam pelbagai jenis makanan terutama buah-buahan dan sayur-sayuran.

(Disesuaikan daripada Safiah Sulaiman 2000)

TEKS D

No. 28, Jalan Anggur
Taman Manis
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

27 Jun, 2001

Menemui sahabatku, Johari semoga berada di Johor Bahru dengan selamatnya. Saya di sini sihat, begitu juga dengan ahli keluarga yang lain.

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menjemput saudara bercuti ke rumah saya pada minggu hadapan. Pokok buah-buahan di dusun datuk saya sangat menjadi pada musim ini. Apabila saudara berada di sini kita akan menikmati buah-buahan di dusun itu.

Selepas makan buah-buahan nanti kita bolehlah mengikut datuk saya memancing ikan di dalam kolam di kebunnya. Selain itu, kita boleh mendaki Bukit Nipah untuk melihat pemandangan sekeliling yang sangat menarik. Keluarga saya juga turut berbesar hati menerima kedatangan saudara.

Saya benar-benar berharap dapat berjumpa dengan saudara kerana sudah dua tahun kita berpisah, iaitu semenjak bapa saudara ditugaskan di Johor Bahru. Saya berharap saudara tidak menolak jemputan saya ini.

Sekian sahaja untuk kali ini. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudara.

Yang benar,

Sham

